



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK AZAMAN BIN YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA:

**MAJLIS PERSARAAN@ SANJUNGAN BUDI
TAHUN 2023 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

TARIKH:

10 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)

MASA:

3.00 PETANG

LOKASI:

GRAND PULSE HOTEL, PUTRAJAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratu, Salam
Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

SALUTASI

YBHG. DATUK KAMARUL BAHARIN BIN A. KASIM
Ketua Pengarah
Jabatan Muzium Malaysia

YBHG. DATO' HAJI CHE ROSLAN BIN CHE DAUD
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional

YBHG. DATO' JAAFAR SIDEK BIN HJ. ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia

YBRS. PUAN SALASIAH BINTI ABDUL WAHAB
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

YBRS. PUAN NORIHAN BINTI MOHAMED NAIM

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
Kementerian Perpaduan Negara

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian,

Tuan-tuan dan Puan-puan Pesara Kementerian Perpaduan
Negara yang diraikan,

Serta warga KPN yang dikasihi sekalian

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama berhimpun dalam **majlis persaraan sanjungan budi kementerian perpaduan negara tahun 2023**.
2. Majlis ini diadakan bertujuan untuk **meraikan bakal pesara dan yang telah bersara sepanjang tahun 2023** setelah mencurahkan khidmat bakti dan sumbangan kepada Kementerian dan Perkhidmatan Awam.
3. Penganjuran Majlis Persaraan Sanjungan Budi pada petang ini amat bermakna kerana seramai **106 orang pegawai daripada KPN dan empat (4) jabatan di bawah KPN** yang telah dan bakal bersara, dijemput bersama untuk diraikan di peringkat kementerian.

4. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua hadirin yang dapat hadir dalam majlis yang penuh bermakna hari ini. Sesungguhnya, kehadiran kita semua hari ini menandakan **penghargaan terhadap rakan-rakan yang bakal dan telah bersara, atas sumbangan dan masa** yang dihabiskan bersama dalam menempuh pelbagai cabaran sepanjang perkhidmatan.
5. Saya pasti ada dalam kalangan yang bakal dan telah bersara mungkin pernah berkhidmat di agensi lain sebelum bersara di KPN dan ada yang telah berkhidmat untuk seluruh tempoh perkhidmatan di jabatan-jabatan di bawah KPN, khususnya pegawai bukan guna sama.
6. Tidak kira di mana tempat bertugas, sememangnya dedikasi dan jasa yang telah dicurahkan tidak berbelah bahagi. Terima kasih atas pengajaran, pengalaman, dan sumbangan yang telah diberikan dalam menggalas cabaran mengharumkan nama jabatan, kementerian dan perkhidmatan awam.
7. Majlis kita hari ini yang diadakan dalam suasana muhibah keluarga besar KPN, adalah **antara usaha kecil kementerian dalam menzahirkan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan** pesara sekalian.

8. Saya pasti, **sumbangan besar** tuan-tuan dan puan-puan kepada kemajuan negara, khususnya dalam menjayakan agenda perpaduan nasional dan keharmonian masyarakat, **tidak mungkin dapat dibalas** dengan majlis keraian seumpama ini. Ini kerana, setiap idea, usaha dan pengorbanan yang telah tuan-tuan dan puan-puan lakukan sepanjang berkhidmat terlalu besar maknanya.
9. Majlis ini juga diadakan sebagai usaha kementerian untuk menyimpulkan kenangan indah, bersama pesara sekalian. Saya percaya, apa pun kenangan pahit atau saat sukar yang telah dilalui dalam menempuh liku dan cabaran sejak awal perkhidmatan dahulu, biarlah **diakhiri dengan kenangan manis, agar menjadi ingatan kita bersama** untuk selama-lamanya.

ALAM PERSARAAN PERMULAAN KEPADA FASA BAHARU KEHIDUPAN

10. Perubahan merupakan satu proses yang mungkin mengambil masa untuk diadaptasi. Proses perpindahan dari alam pekerjaan kepada persaraan, **merupakan fitrah perjalanan seseorang yang berkerjaya** dan sememangnya perlu ditempuhi. Persaraan yang dilihat sebagai sebuah pengakhiran dalam fasa kerjaya adalah **satu permulaan kepada fasa kehidupan baharu**, yang

penuh cabaran untuk diterokai dalam mencari makna kehidupan.

11. Walau bagaimanapun, persaraan **bukan bermakna sumbangan terhadap negara dan bangsa telah berakhir**. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperolehi semasa berkhidmat sebagai penjawat awam boleh dijadikan aset untuk terus bergiat aktif dan menyumbang terutamanya kepada masyarakat misalnya, melalui kegiatan sosial atau lain-lain yang sesuai. Saya menaruh harapan agar tuan/ puan akan **menjadi agen perpaduan** untuk bersama-sama membantu dan menyokong memperkukuh agenda perpaduan.
12. Bak kata pepatah Inggeris ***“Don't simply retire from something ; Have something to retire to”*** yang dapat memberi inspirasi untuk memanfaatkan persaraan ini sebaiknya, sama ada dengan berehat secara sihat sambil meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga tersayang, atau dengan melakukan aktiviti yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.
13. Saya suka untuk berkongsi perspektif masyarakat Jepun dalam memberi makna semula kehidupan (*re-defining life*) dengan mengamalkan **konsep “ikigai”** atau **“sebab untuk hidup”**. “Ikigai” dalam konteks yang lebih luas

adalah keadaan kesejahteraan diri seseorang, yang timbul daripada kegembiraan melakukan sesuatu yang digemari atau disukai.

14. Masyarakat jepun meletakkan makna kehidupan melalui konsep ini dengan menetapkan matlamat kehidupan atau “sebab untuk hidup” setiap hari, dan merancang aktiviti harian berdasarkan empat (4) prinsip asas iaitu:-
 - i. Perkara yang mereka **sukai**;
 - ii. Perkara yang mereka **mahir** lakukan;
 - iii. Perkara yang **diperlukan oleh dunia**; dan
 - iv. Perkara yang **boleh dijadikan mata pencarian**.
15. Dalam konteks seorang pesara, prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi boleh dijadikan **panduan bagi mengoptimumkan masa, tenaga dan bakat sedia ada secara positif** demi kebaikan berterusan diri serta orang sekeliling. Manfaatkanlah kemahiran atau bakat diri tuan/puan, serta lakukanlah perkara yang disukai untuk terus membantu orang sekeliling dengan keupayaan yang ada.
16. Saya pasti anda semua tidak akan berhenti berbakti kepada negara begitu sahaja selepas bersara, kerana roh sebagai penjawat awam yang sentiasa ingin menyumbang

kebaikan kepada masyarakat tetap menyala dalam sanubari tuan-tuan dan puan-puan.

KEKAL AKTIF DAN HIDUP BERGAYA

17. Usia persaraan juga dikaitkan dengan perpindahan fasa kehidupan kepada usia emas. Tuan/ puan yang bersara sebaik mencapai usia 60 tahun pada tahun ini, sebenarnya menyertai 3.4 juta rakyat malaysia yang berumur 60 tahun ke atas berdasarkan data banci malaysia tahun 2020.
18. Antara cabaran bagi rakan-rakan yang menginjak ke usia ini adalah **pengekalan tahap kesihatan diri yang optimum** termasuk aspek kesihatan fizikal, mental dan kesejahteraan sosioemosi. Saya berharap, di samping hasrat rakan-rakan bakal pesara yang selalunya ingin berehat daripada kesibukan dunia berkerjaya dan mengisi masa dengan minat yang telah lama tertangguh, kekalkanlah rutin aktif serta positif tuan/ puan setiap hari.
19. Keupayaan untuk melaksanakan aktiviti fizikal berdasarkan keupayaan diri seperti senaman ringan dan *briswalk* yang boleh mengeluarkan peluh agar tubuh badan kekal cergas, sihat dan bebas penyakit. Selain itu, perlu terlibat dan berinteraksi dengan masyarakat sekeliling dan juga keluarga agar ruang masa terisi serta dapat mengurus emosi secara positif.

20. Saya mengenali dan menemui beberapa rakan yang telah bersara menjadi semakin berjaya dan hebat dalam pelbagai bidang termasuk korporat, konsultasi, kesukarelawanan dan banyak lagi. Kuncinya adalah **keinginan untuk terus meneroka makna kehidupan baharu dalam fasa umur yang berbeza**, kerana tuan/ puan adalah aset berharga negara dengan adanya pengalaman yang tidak ternilai.
21. Suka saya ingatkan agar tuan/ puan juga **sentiasa berhati-hati dengan scammer**, yang mana pesara sentiasa menjadi sasaran kerana memiliki wang tunai yang banyak daripada kemudahan persaraan. Terdapat banyak kejadian pesara terpedaya dengan *scammer* dan telah kehilangan wang simpanan. Tuan/ puan disarankan untuk mengelak daripada klik sebarang pautan (*link*) yang diterima tanpa mengetahui kesahihan dan jangan terpedaya dengan panggilan telefon.

PENUTUP

22. Saya mewakili keseluruhan warga KPN mengucapkan **selamat bersara dan selamat maju jaya** kepada tuan/ puan yang telah dan bakal pesara. Semoga kenangan berkhidmat di KPN akan menjadi antara memori yang terindah disepanjang perkhidmatan tuan/ puan. Saya

doakan agar segala urusan dipermudah dan diberikan kesihatan baik yang berpanjangan.

23. Teruskanlah berbakti dan nikmatilah masa gembira bersama keluarga tersayang, namun harapan kami moga tuan/ puan **tidak pernah lupa saat indah yang pernah dilalui sebagai penjawat awam**, khususnya sebagai warga Kementerian Perpaduan Negara.
24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya titipkan **dua (2) rangkap pantun**, buat kenang-kenangan kita bersama:-

*Peti putih elok dialas,
Biji selasih terbiar di kendi,
Hati bersih amalnya ikhlas,
Pasti kasih bertukar budi.*

*Pahat papan serupa dulu,
Bawah kain daun cermai,
Rehatlah tuan puan di fasa baru,
Ukhuwah terjalin usah terurai.*

Saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi, Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Perpaduan Negara
8 November 2023